



Siaran Media

MAFI: DR RONALD LAWAT TAMAN AGROTEKNOLOGI MARDI LANGKAWI

LANGKAWI, 13 Mac 2021 – Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee pada hari ini telah melawat Taman Agroteknologi MARDI Langkawi di Pulau Langkawi, Kedah.

Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk melihat sendiri konsep agropelancongan Taman Agroteknologi MARDI Langkawi (TATML) yang merupakan salah satu produk pelancongan yang terkenal di Langkawi.

Taman seluas 27.39 hektar yang dibuka kepada umum ini bertujuan memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai penggunaan teknologi moden dalam industri pertanian di Malaysia.

Pada tahun 2019, seramai 105,238 pengunjung yang datang melawat dan 80 peratus daripadanya adalah pelancong luar negara.

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee dibawa melawat sekeliling TATML yang terkenal dengan ladang buah-buahan tropika pelbagai jenis dan bercirikan komersil seperti belimbing, mangga, cempedak, limau bali, nanas dan pitaya. .

Selain daripada itu, YB Dr Ronald turut meninjau perkembangan Projek Pertanian Pintar di MARDI Langkawi. Ini merupakan projek kerjasama 5G MARDI-MAXIS menggunakan Narrow Band Internet of Things (NB-IoT) untuk pemantauan tanaman anggur di MARDI Langkawi.

Dengan penggunaan sistem NB-IoT bagi struktur lindungan hujan, parameter persekitaran dalaman dan kelembapan tanah dapat diperolehi bagi tempoh satu pusingan tanaman anggur ini.

Melalui teknologi ini, petani dapat memantau keadaan tanaman mereka dari jarak jauh melalui aplikasi web dan menerima peringatan awal tentang kemungkinan pemusnahan pemboleh ubah persekitaran dan membantu mereka untuk mengambil tindakan awal serta memaksimumkan nilai hasil tanaman.

Sistem ini bukan sahaja boleh digunakan sebagai modul latihan di ladang contoh, tetapi juga sebagai tarikan pelancong ke TATML, kerana belum ada lagi aplikasi NB-IoT digunakan di dalam pertanian di Taman Agroteknologi MARDI Langkawi dibuka setiap hari kecuali hari Jumaat dengan harga tiket sebanyak RM10 bagi dewasa dan RM5 bagi kanak-kanak warganegara serta RM30 bagi dewasa dan RM15 bagi kanak-kanak pengunjung luar negara.

Turut hadir adalah Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid, Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr. Mohamad Roff bin Mohd Noor dan Timbalan Ketua Pengarah Penyelidikan MARDI, Puan Hasimah Hafiz Ahmad.

Disediakan oleh :

**Program Perhubungan Awam
Pusat Komunikasi Korporat
MARDI**

